

LADANG KELAPA PALING BERJAYA DI MALAYSIA

Wartawan Sinar Harian

3 Januari 2017



Pihak pengurusan Ambang Perintis Sdn Bhd sedang memberikan taklimat kepada Pemangku Sultan Pahang, Tengku Mahkota Abdullah ketika sesi lawatan ke ladang kelapa di Kampung Kerpal, di sini.

KUALA ROMPIN - Ladang kelapa di Kampung Kerpal, di sini, seluas 404 hektar dijangka mampu mengeluarkan hasil sebanyak 6 juta biji bagi tahun ini.

Ladang yang dibangunkan pada 2009 itu merupakan terluas di Malaysia melibatkan tiga jenis kelapa iaitu kelapa pandan, mataq dan mawar.

Pengarah bersama Ambang Perintis Sdn Bhd, Datuk Seri Abdul Wahid Abdul Manaf, berkata, kelapa jenis pandan paling laris berbanding dua jenis lain disebabkan rasa dan aromanya yang sedap.

Menurutnya, hasil kelapa tidak mencukupi untuk dieksport ke luar negara dan setakat ini hanya mampu untuk menampung pasaran dalam negara.

"Pokok kelapa di ladang ini mengeluarkan hasil selepas tempoh empat tahun dan tahun ini dijangka mampu mengeluarkan hasil berjumlah 6 juta biji.

"Setakat ini, ladang ini adalah yang berjaya di Pahang dan menjadikan ia terbesar di Malaysia, ladang lain yang luas juga ada tapi tak berjaya seperti ini," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi taklimat pada Majlis Keberangkatan Pemangku Sultan Pahang, Tengku Mahkota Abdullah Sultan Ahmad Shah ke ladang kelapa di Kampung Kerpal dan kilang kelapa di Kampung Gading, di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu Ahli Parlimen Rompin, Datuk Seri Hasan Arifin, Adun Muadzam Shah, Datuk Seri Maznah Mazlan dan Pegawai Daerah Rompin, Mohd Zulkifli Hashim.

Dalam pada itu, beliau turut merancang untuk bekerjasama dengan penduduk tempatan bagi menambah pendapatan mereka melalui industri kelapa.

"Kita mungkin boleh membantu penduduk di sini dengan memberi benih dan tanam di tanah mereka, hasil kita akan ambil sekali gus mampu menjana pendapatan sampingan," katanya.

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/ladang-kelapa-paling-berjaya-di-malaysia-1.606097>